



## Makanan Ubahsuai Genetik



**M**akanan yang telah diubahsuai genetik ialah makanan yang melalui proses pengubahsuaian terhadap sifat genetik mikro-organisme, tumbuh-tumbuhan atau haiwan dengan memasukkan gen yang telah diubahsuai atau gen daripada jenis atau spesies yang lain. Organisme yang diubahsuai genetik ini mungkin terdiri daripada mikro-organisme yang telah dicipta untuk digunakan sebagai bio-racun makhluk perosak atau biji benih yang diubahsuai secara genetik bagi menghasilkan tanam-tanaman yang kebal penyakit dan membesar dengan lebih baik.

Makanan ubahsuai genetik ini merupakan produk yang dihasilkan oleh syarikat multinasional yang berasaskan pertanian. Melalui kaedah penyelidikan, maka syarikat-syarikat ini telah berjaya menghasilkan benih tumbuh-tumbuhan yang dikatakan lebih baik penghasilannya berbanding tumbuh-tumbuhan yang berasal daripada benih semula jadi.

Sebagai usaha memasarkan tanaman-tanaman di pasaran antarabangsa, syarikat-syarikat ini telah mendakwa bahawa produk ubahsuai genetik yang dihasilkan adalah baik berdasarkan alasan-alasan seperti berikut:

- Membantu mengurangkan masalah kebuluran
- Makanan ubahsuai genetik tidak ada bezanya dengan tanaman semula jadi.
- Dapat memperbaiki kualiti pemakanan yang dapat mengelakkan daripada serangan penyakit yang serius.
- Teknologi ubahsuai genetik membolehkan saintis tanaman membentuk sifat-sifat tanaman yang tahan daripada kemarau
- Kos makanan ubahsuai genetik lebih rendah,

*Teknologi ubahsuai genetik menyebabkan buah-buahan kelihatan segar - walaupun sebenarnya kurang berkhasiat.*

ia menjadikan penanam lebih mendapat keuntungan dan memberi manfaat kepada alam sekitar.

Biarpun begitu, alasan yang diberikan oleh syarikat multinasional pengeluar benih ubahsuai genetik telah ditolak oleh para pejuang keselamatan makanan. Hasil daripada kajian yang dilakukan mendapati bahawa makanan ubahsuai genetik ini mengakibatkan beberapa kesan terutama dari segi jangka panjang.

### Beberapa perkara tentang GMO

- Kurangnya maklumat: Tidak terdapat kajian jangka panjang dan secara bersendirian tentang keselamatan makanan atau tanaman GMO.
- Penggunaan teknologi tidak tepat: GMO boleh berpindah dari satu organisme ke organisme yang lain. Gen tersebut dipotong secara tepat dari DNA sesuatu organisme, tetapi jurutera genetik tidak mempunyai pengetahuan di mana gen itu akan dimasukkan dalam DNA organisme penerima. Begitu juga mereka tidak sedar akan kemungkinan tindakbalas yang berlaku.
- Kesan sampingan: Gen yang baru ini mungkin mempunyai kesan yang tidak disengajakan.
- Kegagalan penyebaran tanaman: Jurutera genetik lebih mementingkan keuntungan

*Ke muka 10* ▶▶

**K**etika restoran makanan segera mulai masuk ke Malaysia dahulu, kita sebenarnya secara tidak langsung telah didedahkan dengan pola pemakanan cara barat, yang menjadi pelopor kepada makanan ini. Biarpun ketika itu masyarakat belum bercakap tentang globalisasi, dunia tanpa sempadan dan sebagainya, kita sebenarnya mulai disogokkan dengan elemen-elemen ini. Masyarakat mulai kenal dengan ayam goreng, kentang goreng, burger, pizza dan sebagainya. Secara perlahan-lahan, budaya ini menular dalam masyarakat dan menjadi sehati dalam kehidupan.

Lama sebelum itu, jenama-jenama barat seperti Coca Cola, Johnson & Johnson dan sebagainya telah lama bertapak di negara kita. Ini termasuklah jenama rokok seperti Marlboro, Benson & Hedges, Dunhill dan sebagainya yang menjadi sebahagian daripada kehidupan penghisap rokok. Kita telah biasa dengan barangan-barangan tersebut, sehingga kita sendiri tidak mengambil kisah sama ada ia adalah barangan luar atau barangan buatan tempatan. Malahan kita sendiri pun tidak dapat mencari alternatif bagi barangan tersebut yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan. Mungkin langsung tidak ada.

Beberapa usaha telah dilakukan oleh pengeluar tempatan bagi menyaingi barangan luar negara ini. Ada yang dapat terus hidup dan ada yang mati tanpa meninggalkan "batu nisan". Yang hidup pun mengalami pasang surut dunia perniagaan. Umpamanya syarikat pengeluar barang keperluan harian, Zaiton Industri yang mengeluarkan barangan seperti sabun, ubat gigi, bedak dan banyak lagi. Walaupun telah lama menjalankan perniagaan, tetapi masih terpaksa merangkak-rangkak menghadapi syarikat gergasi luar negara yang mempunyai jaringan pengedaran yang luas. Pernah satu ketika barangan Zaiton tidak terdapat di pasaran kerana masalah pengedaran. Banyak lagi syarikat tempatan yang mengalami masalah seumpama ini.

Kewujudan pasar raya besar seperti Makro, Carrefour, Giant, Tesco dan sebagainya menambahkan lagi persaingan bagi syarikat-syarikat tempatan ini. Pasar raya besar ini yang kebanyakannya telah menggunakan jenamanya sendiri dengan pilihan barangan yang banyak pada harga yang lebih rendah sudah tentu menimbulkan "kesakitan" kepada syarikat pengeluar tempatan ini. Tidak semua pasar raya ini yang menggunakan pembekal tempatan kerana harga yang ditawarkan agak tinggi. Mereka lebih berminat untuk mendapatkan bekalan dari luar negara yang dapat menawarkan harga yang lebih murah agar dapat memikat pengguna. Pasaran dari Thailand, China dan negara-negara lain yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah menjadi perhatian. Bagaimana keadaan pengeluar tempatan nanti. Secara perlahan-lahan akan "mati" kerana tidak mampu bersaing.

Inilah salah satu kesan globalisasi. Hanya pengeluar yang dapat meningkatkan pengeluaran dengan meminimumkan kos pengeluaran sahaja akan dapat terus bertahan.

Belilah barangan buatan Malaysia.

### SIDANG REDAKSI

#### **Penasihat:**

**Y. Bhg. Datuk Dr Sulaiman B. Mahbob**  
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan  
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

**Ketua Sidang Pengarang**  
Haji Wan Mansor bin Wan Omar

**Timbalan Ketua Sidang Pengarang**  
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

**Sidang Pengarang**  
Normah bte Sheikh Abdullah  
Anyi Ngau  
Hasliana Kamarudin  
Che Aizawati bte Che Salleh  
Arpanah Appala Naidu  
Sharon Shalita a/p Nobbel Moses

**Dicetak oleh Syarikat Asas Jaya**

*Buletin Pengguna merupakan penerbitan usahasama di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Sumbangan artikel amat dialu-alukan. Sila hantarkan sumbangan kepada:*

**Editor,**  
**Buletin Pengguna,**  
No 1D-1, Bangunan SKPPK,  
Jalan SS9A/17, 47300 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Emel: [buletinpengguna@hotmail.com](mailto:buletinpengguna@hotmail.com)  
Laman Web KPDN & HEP : [www.kpdnhq.gov.my](http://www.kpdnhq.gov.my)  
Laman Web FOMCA : [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my)

*Artikel yang disiarkan dalam Buletin Pengguna ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.*

# Akta Sewa Beli 1967

**J**ualan secara sewa beli bermaksud bahawa seseorang menyewa barang-barang dengan hak pilihan membeli. Pengguna dibenarkan membayar secara ansuran untuk sesuatu tempoh yang tertentu. Dalam urusan niaga ini, pengguna bertindak sebagai penyewa dan syarikat yang memberikan pinjaman sebagai pemunya. Setelah pengguna selesai menjelaskan bayaran, maka barangan tersebut menjadi hak milik pengguna tersebut.

Akta Sewa Beli ini diwujudkan bertujuan untuk mengawal selia bentuk dan kandungan perjanjian serta menggariskan hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat dengan perjanjian sewa beli. Akta ini juga menentukan bahawa pemunya (orang yang menjual barangan) tidak mengenakan bayaran khidmat faedah lebih daripada 10% setahun ke atas pinjaman yang diberikan bagi sewa beli.

## Perjanjian Sewa Beli

Dalam urusan niaga ini, pemunya dan penyewa hendaklah membuat perjanjian sewa beli secara bertulis. Antara butir-butir perjanjian tersebut ialah:

- Nama barangan
- Harga tunai barangan
- Tarikh kuat kuasa sewa beli
- Wang cengkeram (tidak kurang daripada 10 peratus daripada harga tunai) jika jumlahnya tidak ditentukan.
- Insurans, jika ada
- Kadar faedah yang dikenakan (tidak melebihi 10 peratus setahun ke atas jumlah pinjaman)
- Jumlah dan bilangan ansuran serta tarikh bayaran
- Nama dan alamat syarikat atau wakil atau agen yang berhak menerima bayaran ansuran
- Tandatangan pekedai dan penyewa.

Perjanjian ini hendaklah diberikan kepada penyewa dalam tempoh 14 hari selepas ia dibuat.

## Jenis barang-barang tersenarai

Di bawah Akta Sewa Beli, disenaraikan beberapa barangan yang diletakkan di bawah kawalan akta tersebut, iaitu:

- Kenderaan bermotor
- Kenderaan orang-orang cacat
- Motosikal

- Kereta termasuk teksi dan kereta sewa
- Kenderaan barang-barang (berat maksimum muatan tidak melebihi 2,538 kg)
- Bas
- Radio, televisyen, pita perakam dan alat-alat gabungannya
- Peti sejuk dan peti dingin beku dan alat-alat gabungannya
- Mesin jahit untuk kegunaan rumah
- Mesin basuh
- Alat pencuci hampagas
- Penyaman udara untuk kegunaan rumah
- Ketuhar elektrik atau gas / dapur elektrik atau gas
- Perakam video
- Mesin taip
- Piano dan organ
- Mesin fotostat/penyalin
- Alat-alat Hi-Fi

## Hak-hak Pemunya (Pekedai)

Pemunya mempunyai hak-hak terhadap urusan niaga yang dijalankan, seperti berikut:

- Pemunya boleh mengambil semula barangan sekiranya:
  - ❖ Penyewa gagal menjelaskan bayaran ansuran penuh sebanyak dua kali berturut-turut atau gagal menjelaskan ansuran terakhir
  - ❖ Pemunya telah memberi notis untuk mengambil semula milik mengikut Jadual ke-4 kepada penyewa.
  - ❖ Pemunya telah memberi satu notis peringatan 14 hari selepas memberikan notis Jadual Ke-4 kepada penyewa.
  - ❖ Pemunya memberikan satu lagi notis peringatan 21 hari selepas notis Jadual Ke-4 diberikan kepada penyewa.
- Pemunya diwajibkan memberikan notis Jadual ke-5 kepada penyewa dalam tempoh 14 hari selepas mengambil semula barangan bagi memberi peluang kepada penyewa untuk menyempurnakan perjanjian.
- Pemunya wajib membuat pengakuan terhadap

### « Dari muka 3

pengambilan barangan itu dengan memberikan penyewa, dokumen yang menyatakan barangan tersebut telah diambil, perihal barangan dan tarikh, masa serta alamat tempat barangan itu diambil.

- Pemunya berhak menjual barangan yang diambil semula selepas tamat tempoh 14 hari Jadual Ke-5 diberikan kepada pelanggan.

### Hak-hak penyewa

Apabila seseorang membeli sesuatu barangan secara sewa beli, dia mempunyai hak-hak ke atas urus niaga tersebut, iaitu:

- Menerima notis Jadual Ke-2 sebelum menandatangani perjanjian sewa beli.
- Menerima satu salinan surat perjanjian surat perjanjian dalam tempoh 14 hari selepas menandatangani perjanjian
- Mendapatkan penyata jumlah yang perlu dibayar pada setiap tiga bulan sekali dengan permintaan bertulis kepada pemunya.
- Menyempurnakan perjanjian itu sebelum habis tempoh perjanjian dengan memberikan notis kepada pemunya dan menyelesaikan baki yang perlu dibayar.
- Menamatkan perjanjian dengan memulangkan barangan kepada pemunya dan membayar sebarang ganti rugi yang pemunya berhak mendapatkannya.
- Penyewa berhak untuk meminta pekedai mengembalikan barangannya semula apabila:
  - ❖ Selesai menjelaskan jumlah tunggakan dengan faedah tidak melebihi lapan peratus setahun dan segala perbelanjaan yang telah ditanggung oleh pemunya (perbelanjaan pengambilan semula, penyimpanan, penjagaan dan pembaikan)
  - ❖ Setelah menyempurnakan perjanjian dengan membayar baki pinjaman dan perbelanjaan pengambilan semula, penyimpanan, penjagaan dan pembaikan.
- Penyewa berhak memperkenalkan bakal pembeli yang bersetuju membayar harga sewa beli itu yang dituntut oleh pekedai.


### Pelanggaran Akta Sewa Beli

Di bawah Akta Sewa Beli, pelanggaran yang dilakukan akan dikenakan hukuman seperti berikut:

- Kesalahan pelanggaran terhadap Akta akan

dikenakan denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

- Barang siapa yang menjual barang-barang yang dibeli secara perjanjian sewa beli tanpa kebenaran pekedai sebagai pemunya, boleh dihukum tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.



*Pengguna harus berhati-hati ketika membeli menggunakan kaedah bayaran mudah kerana ia tidak dilindungi di bawah Akta Sewa Beli*

### Panduan kepada pengguna

- Baca surat perjanjian sewa beli dengan teliti, termasuk catatan kecil kerana pengguna mungkin terperangkap oleh catatan kecil tersebut.
  - Jangan sekali-kali menandatangani borang perjanjian yang kosong
  - Pastikan harga tunai yang tercatat pada surat perjanjian adalah sama dengan harga yang sepatutnya dibayar jika dibeli secara tunai.
  - Pastikan bahawa anda mampu membayar semua bayaran ansuran yang dikenakan sebelum menandatangani perjanjian bagi mengelakkan timbul masalah pengambilan semula barangan.
  - Anda hendaklah memaklumkan kepada pekedai sebarang pertukaran alamat.
- Sekiranya menghadapi sebarang masalah berhubung dengan jualan sewa beli, sila hubungi:
- Pekedai berkenaan, secara bersemuka atau menelefon.
  - Pejabat Penguatkuasa yang berhampiran atau
  - Persatuan Pengguna yang berhampiran



# Kesan Rumah Hijau

**K**esan rumah hijau adalah tanda amaran terhadap bahagian bawah atmosfera dan permukaan planet oleh satu proses yang kompleks yang melibatkan cahaya matahari, gas dan bahan-bahan kecil yang terdapat di atmosfera.

Di muka bumi, kesan rumah hijau bermula lama sebelum kewujudan manusia lagi. Kegiatan manusia pada masa ini telah menambahkan lagi kesannya. Jumlah bahang yang terperangkap oleh gas yang terdapat di atmosfera yang dikenali sebagai gas rumah hijau, telah berkembang dengan pesatnya sejak pertengahan tahun 1800-an, apabila industri moden mulai berkembang. Pada akhir 1800-an, suhu permukaan bumi juga telah meningkat. Dinamakan kesan rumah hijau ini kerana keadaan atmosfera kelihatan seperti bumbung kaca dan tembok rumah hijau, yang memerangkap bahang matahari.

Keadaan permukaan bumi menunjukkan kira-kira 15 peratus tenaga solar akan kembali ke udara. Sementara bakinya akan memanaskan tanah dan lautan. Tanah dan lautan yang telah dipanaskan ini akan membalikkan semula bahangnya ke udara, terutamanya dalam bentuk pancaran infra merah dan wap air. Infra merah hampir sama seperti gelombang yang kecil tetapi tidak boleh dilihat oleh mata kasar manusia.

Apabila pancaran dari tanah dan lautan ini terkena pada bahan-bahan tertentu di atmosfera, seperti gas rumah hijau dan serpihan-serpihan, bahan-bahan ini akan menyerap pancaran tersebut. Hasilnya, gas dan serpihan-serpihan tersebut juga akan panas. Ia hanya akan sejuk apabila menghantarkan keluar pancaran infra merahnya sendiri. Sebahagian daripadanya akan ke ruang angkasa dan sebahagian lagi kembali ke permukaan bumi, yang kemudiannya akan turut menambahkan lagi darjah kepanasan di permukaan udara. Tanpa kesan semula jadi rumah hijau, purata suhu permukaan bumi adalah kira-kira 59 darjah Fahrenheit atau 33 darjah celsius lebih sejuk berbanding sekarang.

Gas rumah hijau yang utama terdiri daripada atom-atom karbon, hidrogen dan oksigen. Gas-gas ini pula adalah wap air, karbon dioksida, metan dan ozon. Serpihan rumah hijau termasuk titisan awan, jelaga dan debu.

Sejak awal hingga pertengahan tahun 1800-an, jumlah karbon dioksida dalam atmosfera telah meningkat kira-kira 25 peratus dan konsentrasi



*Asap yang dikeluarkan daripada kilang adalah satu penyumbang kepada gas rumah hijau.*

metan telah bertambah kira-kira 150 peratus. Kebanyakan peningkatan disebabkan oleh aktiviti manusia - terutamanya pembakaran minyak fosil (arang, minyak dan gas asli) dan pembersihan tanah. Minyak fosil mengandungi karbon dan pembakarannya menghasilkan karbon dioksida. Pokok-pokok dan tanaman-tanaman lain menyerap gas melalui proses fotosintesis. Tanah yang dibersihkan dan hutan yang telah ditebang juga telah menyebabkan kadar karbon dioksida meningkat.

Kadar purata suhu permukaan bumi telah meningkat kira-kira 0.5 hingga 1.5 darjah Fahrenheit (0.3 hingga 0.8 darjah celsius) hingga akhir tahun 1800-an. Ahli sains masih belum mengesahkan bahawa peningkatan kadar karbon dioksida di atmosfera telah meningkatkan suhu permukaan bumi. Sekiranya dalam keadaan tertentu, kaitannya memang wujud, maka keputusan selepas itu mungkin lebih teruk. Ramai saintis menganggarkan bahawa pada tahun 2050, jumlah karbon dioksida di atmosfera dua kali ganda berbanding paras di kawasan pra industri. Jika peningkatan ini turut ditambah oleh kesan rumah hijau, suhu permukaan bumi akan bertambah, antara 3 hingga 8 darjah Fahrenheit (1.5 hingga 4.5 darjah celsius) pada tahun 2100.

Peningkatan suhu permukaan bumi, yang dikenali sebagai kepanasan sejagat, boleh merubah sistem ekologi beberapa bahagian bumi. Sebagai contoh, kepanasan sejagat turut mempengaruhi pola penurunan hujan, mencairkan ketulan ais sehingga meningkatkan paras laut, menyebabkan ribut tropika yang teruk, mengakibatkan perpindahan tanaman dan jumlah haiwan. Ia turut menyebabkan perubahan arus ombak dan peredaran angin, sehingga ada kawasan yang lebih sejuk berbanding pada masa kini. Satu lagi kesan daripada kepanasan sejagat di kawasan utara akan menyebabkan lebih banyak salji yang turut cair dan menyebabkan lebih banyak lembaran ais.

# Kepenggunaan Dalam Era Kapitalisme

Nilai-nilai budaya ketimuran yang diterapkan oleh masyarakat Asia sejak sekian lama kini terhakis sejajar dengan pengaruh-pengaruh buruk yang dihasilkan oleh politik korporat, budaya yang dikomersialkan oleh pihak-pihak tertentu dan kesan pengaruh media massa.

Kini, masyarakat kita terdedah kepada pelbagai unsur yang mengkhayalkan yang terpampang di kaca televisyen yang menyebabkan elemen-elemen ketimuran semakin merosot dari segi nilai kebudayaan akibat daripada tekanan media yang keterlaluan. Limpahan yang berterusan ini mencetuskan satu perubahan sosio-budaya ke atas aspek nilai kepenggunaan. Lebih-lebih lagi apabila pengguna didedahkan secara berterusan oleh pihak media dengan pelbagai barangan atau perkhidmatan. Seterusnya pengguna mungkin terdorong untuk menggabungkan elemen budaya dalam menentukan corak pemilihan sesuatu barangan atau perkhidmatan.

Konsumerisme merupakan satu mitos yang seseorang pengguna percaya bahawa mereka akan mencapai satu tahap kepuasan dengan kuasa membeli yang ada pada mereka. Transformasi ini tercetus daripada penerapan nilai-nilai budaya yang dipegang selama ini kepada budaya baru yang menjurus kepada kepuasan yang dicapai hasil daripada pembelian dan pemilikan sesuatu komoditi. Maka, elemen-elemen penghayatan terhadap norma-norma kemasyarakatan, kesusasteraan dan pegangan agama semakin

terhakis disebabkan eksploitasi oleh pihak media yang keterlaluan dan tidak bertanggungjawab.

Walaupun konsumerisme membolehkan seseorang itu mendapatkan sesuatu barangan atau pemilikan sebenar, namun ia mempunyai beberapa kepincangan dari segi pemupukan nilai-nilai budaya. Konsumerisme memberikan kesan kepuasan jangka pendek yang bersifat "keegoan" kepada individu yang mampu untuk memiliki sesuatu komoditi tertentu dan memberikan kesan sebaliknya kepada pihak yang tidak berkemampuan. Pendek kata, dari sudut pengguna pada hari ini, konsumerisme adalah semata-mata bersifat mengejar sesuatu yang belum dapat dicapai dan ini dilakukan secara langsung dengan membelakangkan elemen-elemen budaya sejagat yang dimiliki oleh sesuatu kelompok masyarakat tertentu.

Wang ringgit kini merupakan satu elemen pengganti yang murah kepada kemerosotan nilai-nilai budaya yang mulia. Kuasa ekonomi telah mula menghakis sifat kekendirian (*self-esteem*) seseorang individu dan sifat kekendirian yang lemah di dalam diri seseorang individu mempunyai kaitan positif dengan kuasa membeli para pengguna masa kini. Ia dapat dilihat pada masa-masa tertentu di mana pengguna cenderung untuk menunjukkan rasa ego dan sikap terburu-buru semasa membayar di kaunter pembayaran. Pengguna kini mudah lupa akan nilai-nilai pegangan dalam diri mereka yang disebabkan oleh kuasa ekonomi yang telah mereka capai.

Peranan media massa merupakan elemen induk yang bertanggungjawab untuk membawa konsumerisme sebagai tunjang dalam era kapitalisme. Pengguna masa kini terdedah dengan pelbagai bentuk iklan dalam media massa yang hanya menjual sesuatu imej yang sebenarnya cakap-cakap kosong sahaja. Terdapat juga banyak syarikat komersial dan korporat yang mengeksploitasi pengguna yang kurang arif dengan penawaran barang tiruan.

Namun, sebahagian besar pengguna pada hari ini tidak mengambil berat atas pertimbangan di antara harga dan kualiti sesuatu barangan semasa melakukan pemilihan asalkan barangan



Wang ringgit banyak mempengaruhi kehidupan manusia hari ini

Ke muka 7»

#### ◀ Dari muka 6

tersebut serupa seperti jenama asal. Di samping itu, dengan perkembangan media massa yang menawarkan pembelian secara "on-line", pengguna hari ini lebih terbawa-bawa untuk memilih barangan mengikut jenama dan imej yang diselitkan di dalam minda pengguna melalui iklan-iklan barangan. Ini menunjukkan bahawa kebebasan seseorang pengguna dalam membuat pilihan telah dikurangkan dengan perkembangan pihak media yang licik menggunakan unsur-unsur tarikan melalui iklan.

Polisi korporat yang dipraktikkan oleh syarikat-syarikat perniagaan yang besar kini sering memberikan tumpuan yang tinggi ke atas pengambilan untung yang berlebihan. Ini dilakukan secara halus ke atas pengguna yang lemah dari segi pendidikan kepenggunaan. Kelemahan membuat pilihan yang betul serta mudah terpengaruh dengan iklan-iklan yang mengelirukan pengguna, merupakan cara polisi korporat disalahgunakan oleh syarikat perniagaan. Syarikat-syarikat besar pula ada yang menindas syarikat yang lebih kecil, bertujuan supaya persaingan

perniagaan dimonopoli oleh mereka di samping memaksimumkan keuntungan. Etika perniagaan kini telah mula membelakangkan sifat-sifat kemanusiaan ditambah pula dengan peranan media yang tidak bertanggungjawab.

Pengguna perlu menegakkan hak mereka secara kolektif sebagai saluran yang terbaik untuk menyuarakan pendapat mereka. Ini disebabkan pendapat secara individu seringkali tidak diendahkan oleh pihak kapitalis korporat yang cenderung untuk menindas pengguna secara perseorangan. Mereka sedar bahawa tindakan perseorangan oleh pengguna tidak mampu mendatangkan sebarang impak ke atas perniagaan mereka. Pengguna hanya mula sedar akan kuasa mereka sebagai pengguna melalui tindakan bersama yang dapat mereka tampilkan secara kolektif, sebagai contoh, pemuluan barangan secara besar-besaran. Ini secara langsung akan mengawal penindasan yang dilakukan melalui polisi korporat yang tidak beretika.

*Diadaptasi oleh Jeeva, BHEP*

*Dari: Consumerism and the New Capitalism  
oleh R. Cronk*

## ADUAN PENGGUNA

# Masalah Kereta

**S**eorang pengurus agensi pembantu rumah telah membeli kereta Juara yang baru dan mengalami kerosakan yang teruk dalam beberapa minggu sahaja. Kerosakannya ialah enjin kereta akan mati secara mengejut semasa memandu, radiator selalu menjadi panas sehingga paras maksimum walaupun pada jarak dekat dan sering berlaku litar pintas. Beliau telah menghantar kereta ke Pusat Perkhidmatan Proton Edar beberapa kali.

Di situ, beliau tidak mendapat layanan yang memuaskan, malah ada masanya beliau dimarahi oleh kakitangan yang bertugas kerana menurut beliau, pengadu perlu menunggu untuk mendapatkan keretanya. Beliau membuat aduan melalui telefon kepada Pejabat Biro Aduan Pengguna dan menghantar aduan bertulis melalui e-mail dengan maklumat penuh tentang kejadian dan maklumat pegawai yang bertugas di Pusat Perkhidmatan tersebut.

Selepas menerima aduan terima, Pegawai Biro Aduan Pengguna telah meneliti aduan dan

berhubung dengan kakitangan Pusat Perkhidmatan Proton Edar yang bertugas dan menjelaskan tentang aduannya. Beliau meminta kakitangan tersebut supaya mengambil tindakan yang wajar untuk menyelesaikan masalah yang diadukan serta memberitahu bahawa ada kakitangan yang memarahi pengadu sehingga dia berasa tersinggung. Pegawai Biro Aduan juga menegaskan bahawa perbuatan pihak Proton Edar jelas melanggar **AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999**. Oleh sebab itu, beliau meminta pihak Proton Edar supaya menyelesaikan perkara ini secepat mungkin yang boleh.

Pengadu mendapat balik keretanya pada keesokan hari dengan menukar *spare parts* yang baru dan kereta berada dalam keadaan yang baik (*good condition*).

*Ruangan ini dikelola dengan kerjasama Bahagian Aduan, Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan*

# Biro Pengantaraan Perbankan

**B**iro Pengantaraan Perbankan ini telah ditubuhkan pada 28 Jun 1996 di bawah Akta Syarikat sebagai syarikat berhad melalui jaminan. Ia ditubuhkan oleh bank-bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat-syarikat kewangan. Ia bertujuan bagi menyediakan perkhidmatan menyelesaikan sebarang pertikaian yang timbul di kalangan pelanggan-pelanggan dalam industri perbankan ini.

Pengguna yang membuat aduan melalui BPP tidak dikenakan sebarang bayaran dan tidak perlu melantik wakil bagi mewakili seseorang pengguna. Pada masa ini, BPP mengendalikan kes atau tuntutan yang tidak melebihi RM25,000.

## Struktur keahlian BPP

Keahlian BPP ini terbahagi kepada badan-badan korporat yang dilesenkan di bawah Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia. Biro ini hanya melayani sebarang aduan atau tuntutan yang dibuat terhadap syarikat yang menjadi ahlinya sahaja.

Struktur BPP ini terbahagi kepada tiga, iaitu:

- Lembaga Pengarah - yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran BPP. Keahliannya terdiri daripada ahli-ahli yang berdaftar dengan BPP.
- Majlis - yang bertanggungjawab terhadap perantaraan, memberikan khidmat nasihat dan panduan berhubung dengan

perjalanan BPP. Ahli Majlis BPP terdiri daripada dua orang wakil daripada Lembaga Pengarah, seorang wakil daripada pertubuhan pengguna, seorang wakil daripada universiti tempatan dan seorang ahli yang tidak mewakili mana-mana kumpulan di atas yang dirasakan wajar menganggotai Majlis.

- Perantara - yang akan menjalankan penyiasatan terhadap aduan atau tuntutan terhadap ahli BPP dan menyelesaikan sebarang pertikaian atau membuat keputusan.

## Kes yang dikendalikan

- Pengenaan *fi (bayaran)*, faedah dan penalti yang keterlaluan
- Iklan-iklan yang mengelirukan
- Pengeluaran wang tunai melalui Mesin Teler Automatik tanpa kebenaran
- Penggunaan kad kredit tanpa kebenaran
- Amalan yang tidak adil dalam mengambil tindakan ke atas penjamin

## Cara Membuat aduan

Anda boleh membuat aduan kepada BPP sama ada melalui badan-badan atau persatuan-persatuan yang mengendalikan aduan pengguna. Institusi ini akan memberikan nasihat dan membantu membawa kes ini kepada BPP. Anda juga akan diminta membawa kes ini kepada BPP oleh institusi perbankan selepas enam bulan daripada tarikh "surat kebuntuan" dikeluarkan oleh institusi perbankan yang menyatakan kegagalan menyelesaikan masalah anda.

Anda boleh menulis surat biasa dengan menceritakan secara ringkas butir-butir masalah anda dan mengepilkkan satu salinan "surat kebuntuan" daripada institusi perbankan anda untuk dihantar kepada BPP. Anda perlu mengisi

Ke muka 9▶▶



*Pengguna bank selalu menghadapi masalah ketika berurusan dengan bank.*



satu borang standard yang disediakan oleh BPP bagi memberi kebenaran kepada institusi perbankan anda untuk mendedahkan kepada BPP sebarang maklumat mengenai akaun anda seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 99 Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Anda tidak perlu menggunakan khidmat peguam untuk membawa kes anda ke BPP.

### Pengendalian kes

- Dengan kebenaran bertulis yang diberi oleh anda, BPP akan cuba mendapatkan maklumat lanjut mengenai aduan anda daripada institusi perbankan anda dan mengkaji dengan teliti kes tersebut untuk mencari penyelesaian terbaik.
- BPP akan menyiasat secara objektif kes anda berdasarkan fakta-fakta yang diperolehi. BPP mungkin akan mengadakan sesi temu bual dengan anda sahaja atau secara bersama dengan institusi perbankan anda, melalui satu proses pengantaraan untuk menyelesaikan pertikaian.
- BPP akan membuat keputusan atas penilaiannya sendiri dengan mengambil kira aspek undang-undang dan amalan-amalan perbankan.
- Keputusan BPP wajib dipatuhi oleh institusi perbankan tetapi tidak wajib dipatuhi oleh anda.
- Anda boleh memilih sama ada untuk menerima atau menolak keputusan BPP. Sekiranya anda menolak, keputusan tersebut adalah dianggap batal dan anda bebas untuk mengambil langkah lain berhubung dengan pertikaian tersebut, termasuk tindakan undang-undang.
- Sekiranya anda bersetuju menerima keputusan BPP, anda mungkin kehilangan hak untuk meneruskan tindakan undang-undang terhadap institusi perbankan terbabit.

### Panduan Membuat Aduan

Untuk membolehkan aduan anda dikendalikan dengan cepat dan cekap, di bawah ini adalah sebahagian daripada perkara-perkara yang perlu dititikberatkan semasa membuat aduan. Anda perlu:

- Menulis dengan terang menggunakan dakwat hitam atau biru
- Menceritakan masalah anda dengan jelas dengan memasukkan semua fakta yang



berkaitan menurut susunan yang munasabah. Elakkan butiran yang tidak perlu dan berulang

- Menyatakan nombor rujukan seperti nombor akaun, nombor rujukan pelanggan atau nombor kad
- Melampirkan sebarang dokumen yang ada kaitan dengan aduan. Hantarkan salinan dokumen sahaja, dokumen asal hendaklah disimpan
- Menyimpan rekod surat anda
- Memberikan nombor telefon anda supaya mudah dihubungi

Sekiranya anda mempunyai aduan tentang institusi perbankan yang di luar bidang kuasa BPP, anda boleh meminta bantuan bank negara melalui borang aduan rasmi Bank Negara yang boleh didapati di semua institusi perbankan. Sertakan bersama-sama satu salinan "surat kebuntuan" daripada institusi perbankan anda bersama-sama dengan borang aduan tersebut.

**Biro Pengantaraan Perbankan**  
**Tingkat 5, MUI Plaza**  
**Jalan P. Ramlee**  
**50250 Kuala Lumpur**  
**Tel : 03-2026 2335/2026 2337**  
**Faks : 03-2026 2339**  
**Emel : [bmbureu@po.jaring.my](mailto:bmbureu@po.jaring.my)**

*Rujukan: Risalah Biro Pengantaraan Perbankan dan Laman Info Perbankan Bank Negara Malaysia.*

#### « Dari muka 1

dengan mempatenkan benih tanaman ubah suai genetik. Apabila seseorang petani menggunakan benih GMO, semua benih tersebut mempunyai struktur genetik yang telah ditentukan. Jika sesuatu jenis kulat atau virus menyerang tanaman tersebut, ia menyebabkan proses penyebaran tanaman akan gagal.

- Mengancam seluruh sistem makanan: Serangga, burung dan angin boleh membawa benih yang telah diubah suai genetik ini ke ladang yang berhampiran. Apabila serbuk GMO hinggap pada tanaman yang lain, ia menyebabkan serbuk GMO dan serbuk tanaman yang asal akan bercampur baur. Semua jenis tanaman, organik dan bukan organik mudah diserang oleh gen yang baru ini.

#### Bahaya kepada kesihatan

- Tiada kajian keselamatan jangka panjang: GMO mengubah sifat semula jadi yang kita makan. Mungkin kandungan GMO ini merupakan bahan yang tidak pernah berada dalam sumber bekalan makanan manusia. Tanpa kajian jangka panjang, tiada siapa yang dapat menentukan sama ada makanan ini selamat atau tidak.
- Mengandungi toksin: GMO boleh menyebabkan perubahan struktur (mutasi) dalam sesuatu organisme, yang akan mencipta toksin atau racun yang baru dan berkadar yang tinggi dalam makanan.
- Kesan alergi: GMO boleh menghasilkan kesan alergi yang tidak dikenalpasti dan tidak diketahui dalam makanan.
- Kesan sampingan yang boleh membunuh: Sejenis sindrom telah menyebabkan 37 orang mati, 1500 orang lumpuh separuh badan dan lebih 5000 orang pula ilat secara sementara. Sindrom ini yang kemudiannya didapati mempunyai kaitan dengan "L-Tryptophan" iaitu sejenis tambahan makanan yang dihasilkan oleh bakteria GMO.
- Bakteria yang kebal antibiotik: Jurutera genetik menggunakan gen yang kebal antibiotik dalam tanaman GMO. Ini bermakna tanaman tersebut mengandungi gen yang kebal kepada antibiotik. Apabila bakteria ini telah mencemari gen tersebut ia akan memberikan kesan kepada manusia.
- Mengurangkan zat makanan: Makanan transgenik ini boleh mengelirukan pengguna dengan rupa kesegaran yang palsu. Tomato yang merah dan kelihatan lazat mungkin telah berusia beberapa minggu dan mempunyai

kandungan zat yang rendah.

- Masalah yang tidak dapat dikesan: Tanpa meletakkan label, agensi kesihatan awam tidak dapat mengambil tindakan untuk mengesan sesuatu masalah sehingga ke akar umbi.

#### Pencemaran alam sekitar

- Meningkatnya penggunaan racun herba: Lebih daripada 50% tanaman yang dimajukan oleh syarikat telah diubah suai untuk kebal kepada racun herba.
- Banyak menggunakan racun makhluk perosak: Tanaman juga telah diubah suai untuk mengeluarkan racun makhluk perosaknya sendiri. Ini tentu memberikan kepada manusia.
- Merosakkan ekologi: Kesan GMO dalam rangkaian makanan boleh merosakkan ekologi habitat. Organisme baru ini berjaya bersaing dengan tanaman semula jadi, yang secara tanpa disedari telah merubah keadaan alam sekitar, dan mungkin juga merosakkannya sama sekali.
- Pencemaran gen tidak boleh dibersihkan: Apabila GMO telah mencemari tanaman, bakteria dan virus yang dihasilkan itu tidak boleh lagi dibersihkan. Kesan negatifnya juga tidak boleh diubah.

#### « Dari muka 12

- Doktor bertugas akan memeriksa di bilik Pemeriksaan Khas. Jika pesakit didapati mempunyai ciri-ciri yang ditentukan, dia dihantar ke wad khas bagi pesakit SARS.
- Pesakit SARS diasingkan di dalam bilik yang khusus.
- Doktor dan doktor pakar akan memeriksa pesakit di dalam wad dan melakukan penyiasatan yang bersesuaian seperti membuat x-ray
- Pesakit SARS terus berada di bilik yang diasingkan sehingga dia dibenarkan keluar, iaitu apabila dia tidak lagi demam selama tiga hari dan x-ray bahagian dada menunjukkan bacaan yang bersih.
- Pesakit SARS diletakkan di dalam kuarantin di rumah selama 10 hari selepas keluar wad. Mereka perlu mengambil suhu badan tiga kali sehari untuk memeriksa sama ada demam atau tidak, dan perlu memakai penutup mulut. Pesakit perlu membuat pemeriksaan di hospital jika didapati demam. Dia juga perlu ke hospital untuk pemeriksaan selepas 10 hari dikuarantin.

### **Pekilang Makanan Wajib Mohon HACCP**

Semua pekilang makanan diwajibkan memohon Sijil Titik Kawalan Kritikal dan Analisis Bahaya (HACCP) sebagai bukti keselamatan, jaminan dan pemantau kualiti makanan yang dihasilkan. Pengarah Jabatan Kualiti Pemakanan Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Harrison Aziz Shahabuddin berkata, sijil itu diwajibkan ke atas pengusaha makanan berisiko tinggi terutama di bidang pemprosesan susu, telur, daging, ikan, mi dan produk-produk yang dihasilkan daripada makanan.

- Utusan Malaysia 18/2/2003

### **Akta Kredit Pengguna Jaminan Perniagaan Tidak Beretika**

Akta Kredit Pengguna merupakan instrumen berkesan bagi memberikan jaminan kepada pengguna daripada menjadi mangsa peminjam wang dan amalan-amalan kewangan yang tidak beretika. Akta ini telah dilaksanakan oleh banyak negara membangun, yang benar-benar menyentuh tentang masalah pengguna terhadap pinjaman kredit. Hal ini disuarakan oleh Presiden FOMCA, Prof Dato' Mohd Hamdan Hj. Adnan. Beliau juga berpendapat bahawa Akta Peminjam Wang yang merupakan akta penting dari segi pinjaman wang secara kecil-kecilan seharusnya diletakkan di bawah Kementerian Kewangan atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan bukannya di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

- NST 4/2/2003

### **Bank Wajib Kesan Peminjam Sebelum Buru Penjamin**

Kerajaan bercadang mewajibkan bank dan institusi kewangan supaya mengesan peminjam terlebih dahulu sebelum "memburu" dan mengenakan tindakan undang-undang ke atas penjamin jika pinjaman yang dibuat adalah untuk tanggungan sosial. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, perkara itu terkandung di dalam cadangan pindaan ke atas Akta Kebangkrapan 1067 (Pindaan 1998) yang akan dibentangkan untuk kelulusan Kabinet, Mac ini.

- Utusan Melayu 19/2/2003

### **TTPR Menerima Kes**

Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah yang ditubuhkan pada 1 Disember 2003 ekoran daripada penguatkuasaan Akta Pemajuan Perumahan 2002, telah menerima sebanyak 80 kes sehingga akhir bulan Januari 2003. Kes yang telah difailkan termasuk juga bagi perjanjian jual beli yang ditandatangani sebelum 1 Disember 2003. Kebanyakan kes yang diterima adalah berkaitan dengan kelewatan penyerahan rumah.

- The Star 14 Feb 2003

### **Gunakan Tanda Amaran Bergambar**

Lebih daripada 80 buah pertubuhan bukan kerajaan daripada lebih 70 buah negara meminta agar penggunaan tanda amaran bergambar digunakan pada kotak-kotak rokok bagi memberikan peringatan kepada pengguna akan bahaya merokok. Amaran bergambar ini boleh meningkatkan lagi keberkesanan tanda amaran itu, terutamanya di negara yang kadar buta huruf di kalangan perokok adalah tinggi. Ia juga bagi perokok yang telah lali dengan amaran secara bertulis sahaja. Ini adalah beberapa perkara yang dicadangkan agar dibincangkan dalam Perjanjian Antarabangsa bagi Kawalan Tembakau yang pertama, yang diadakan di Geneva pada 17 Februari hingga 28 Februari 2003.

- The Star 10 February 2003

### **Malaysia Pengeksport Makanan Halal**

Kerajaan berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeksport utama pelbagai makanan bersih dan halal berstatus antarabangsa. Industri ini mempunyai potensi yang cerah untuk berkembang kerana pasarnya yang amat luas. Pada masa ini terdapat 1.8 bilion umat Islam di 112 buah negara seluruh dunia, termasuk 400 juta orang di Asia Tenggara dan Asia Timur. Bagi mencapai matlamat ini kerajaan semasa Belanjawan Malaysia 2003 telah memberikan beberapa galakan kepada industri pengeluaran makanan. Umpamanya syarikat yang melabur dalam sektor tersebut diberikan pengurangan cukai ke atas pelaburannya manakala syarikat yang sedang bergiat pula dikecualikan cukai pendapatan selama 10 tahun.

- Utusan Malaysia 18/2/03

## Sindrom Penafasan Akut yang Teruk (SARS)

### Apakah SARS?

SARS atau pernafasan akut yang teruk adalah penyakit respiratori yang menyerupai radang paru-paru tanpa diketahui puncanya. Ia menyebabkan alveoli (ruang udara dalam paru-paru) bengkak dan tidak berfungsi. Akibatnya darah berkurangan di bahagian tersebut dan menghalang perpindahan oksigen.

### Virus SARS

Sejenis virus yang dikenali sebagai Coronavirus yang mempunyai bahan genetik asid ribonukleik. Ia dikaitkan dengan demam selsema dan masalah jangkitan sistem pernafasan.

### Cara SARS merebak ke seluruh dunia

Seseorang yang dijangkiti oleh virus SARS pergi ke tempat lain dan merebakkannya kepada orang lain semasa dalam penerbangan. Penyakit ini berpunca dari Guangdong, China dan Hong Kong. Kebanyakan pelawat negara-negara ini dijangkiti oleh virus ini.

### Simptom SARS

- Demam panas melebihi 38 darjah celsius
- Batuk tanpa kahak, sukar bernafas, sakit kepala, sakit otot, hilang selera makan, letih, lesu dan cirit-birit.

### Kaedah jangkitan Virus SARS

- Melalui titisan di udara semasa bersin atau batuk.

- Merebak secara tidak langsung kerana boleh hidup di luar badan manusia selama tiga hingga enam jam.
- Juga tersebar melalui udara, air atau cara-cara yang lain.

### Cara menghindari SARS

- Elakkan melawat negara yang dijangkiti.
- Elakkan berhubung rapat dengan pesakit SARS.
- Jaga kebersihan diri:
  - Tutup mulut dengan tisu apabila bersin dan tisu itu dibuang secara yang betul.
  - Basuh tangan dengan kerap (umpamanya selepas bersin)
  - Basuh tangan sebelum menyentuh mata atau mulut.
  - Bersihkan bilik air, sinki dan permukaan di rumah yang lain dengan kerap.

### Cara Merawat SARS

- Tidak terdapat ubat bagi merawat SARS. Doktor menggunakan ubat antiviral dan steroid bagi merawat mangsa SARS.
- Pesakit yang awal dikesan dapat disembuhkan.

### Apa yang perlu dilakukan jika dijangkiti SARS

- Pergi ke kaunter khas di Unit Kemalangan dan Kecemasan di Hospital.

Ke muka 10 ►►

## INFO PENGGUNA

### E-Thrombosis : Penyakit Pengguna Komputer

**S**eseorang pengguna yang terlalu lama menghadap komputer, boleh menghadapi penyakit pembekuan darah yang teruk, khususnya di bahagian betis, yang dikenali sebagai E-Thrombosis. Menurut majalah *Jurnal Respiratori Eropah*, seorang lelaki yang berumur 32 tahun telah menderita penyakit bengkak buah betis, yang hanya pulih selepas 10 hari. Bagaimanapun, pada minggu berikutnya, beliau mengalami masalah penafasan sehingga hampir pengsan.

Masalah pembekuan darah biasanya terbentuk apabila seseorang itu duduk terlalu lama. Ia terbentuk pada pembuluh darah, yang kemudiannya pecah dan merebak ke paru-paru. Keadaan ini berpotensi untuk membentuk pembekuan darah pada pembuluh atau

jantung yang berbahaya (DVT). DVT berlaku apabila aliran darah terhalang dalam pembuluh dan membentuk pembekuan. Ia juga berlaku disebabkan oleh pengaliran darah yang bermasalah seperti penyakit jantung, berhadapan dengan serangan berkaitan jantung atau rehat yang panjang.

Bagi mengelakkan daripada diserang penyakit E-thrombosis ini, seseorang itu hendaklah berehat sekejap ketika menggunakan komputer dan melakukan sedikit senaman seperti menggerakkan pergelangan atau jari kaki dan bangun serta menegakkan kaki sekurang-kurangnya selama sejam. Dia juga perlu minum air dan elak daripada minum minuman yang beralkohol.

